

BN jangan lalai dengan kemenangan besar — Dr. M

KUALA LUMPUR 22 Mac — Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta Barisan Nasional (BN) supaya tidak lalai dengan kemenangan besar yang diperoleh pada pilihan raya umum ke-11.

Ini kerana iklim pilihan raya mungkin berbeza pada pilihan raya umum akan datang, katanya.

"Setiap pilihan raya ada iklimnya dan kalau BN yang begitu kukuh tak melaksanakan janji-janjinya, mungkin pengundi sekali lagi berasa tawar hati," katanya kepada *Bernama*.

Ditanya perkara yang paling dikhuatirinya berikutan kemenangan besar BN itu, Dr. Mahathir berkata: "Biasanya kalau dah menang besar, jadi terlalu sombong dan angkuh ... seperti Pas di Terengganu sehingga akhirnya kalah semula.

BN hendaklah "rendahkan diri balik" dan wakil-wakil rakyatnya menjalankan tugas seperti yang diharapkan oleh rakyat, katanya.

Setakat pukul 5.30 petang ini, BN menguasai 196 kerusi Parlimen manakala pembangkang 17 kerusi dan kedudukan enam kerusi lagi belum dapat ditentukan kerana proses pengiraan semula undi masih berjalan.

Dr. Mahathir berkata iklim pilihan raya berubah-ubah, sebagai contoh BN mencapai kemenangan cukup baik pada 1995 kerana isu semasa ketika itu tidak dapat diperalatkan oleh pembangkang.

Katanya BN jatuh begitu teruk pada 1999 dengan isu timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim menyebabkan orang Melayu kurang percaya pada Umno dan BN.

Bekas Perdana Menteri itu melihat keputusan pilihan raya umum ini sebagai satu sokongan rakyat terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Dia yang memainkan peranan utama walaupun menjadi Perdana Menteri kurang empat bulan tapi dia berjaya memberi gambaran yang baik mengenai kepimpinannya. Saya ucapkan tahniah," katanya.

Menawan

Mengenai keupayaan BN menawan semula Terengganu, Dr. Mahathir berkata: "Saya tak sangkalah. Saya ingat (peluang) 50-50 sahajalah. Lihat Haji Hadi (bekas Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang) kalah, saya tak sangkalah.

"Tapi nampak gelombang biru yang dilancarkan beberapa tahun lepas berkesan dalam mengalih pemilikan rakyat.

"Dalam pada itu, isu 1999 kini tak ada lagi," katanya.

Beliau berkata punca kekalahan pemimpin utama Pas dan Keadilan pada pilihan raya umum ini kerana mereka memainkan isu lama yang membosankan orang ramai manakala para pengundi sudah bijak dan tidak mudah diperdayakan.

Menyentuh kemasukan semula Pengerusi DAP Lim Kit Siang dan timbalannya Karpal Singh ke Parlimen, Dr. Mahathir berkata:

"Saya fikir pengundi sengaja nak bagi tempat kepada mereka.

"Sebenarnya pengundi tu bukanlah penyokong mereka sangat. Mereka buat begitu kerana ada pendapat bahawa dalam demokrasi perlu ada pembangkang," katanya.

Dr. Mahathir juga mengulas kegagalan sebilangan rakyat menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pengundi akibat kesilapan proses pengundian, termasuk daftar pengundi, kesilapan mencetak kertas undi dan kertas undi bertukar kawasan.

Kata Dr. Mahathir, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu mempunyai sistem semakan bagi menentukan segala persiapan di setiap peringkat mencukupi dan tepat.

"Saya sedih kerana ada orang nama mereka dalam senarai pengundi tetapi bila masuk ke tempat mengundi, nama tak ada pula. Ia tak sepatutnya berlaku lagi kerana masalah itu pernah ditegur dahulu supaya diperbetulkan," katanya.

Ditanya bagaimana beliau mengikuti pilihan raya umum itu dan keputusannya bukan lagi sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir berkata: "Lega sikit tapi saya sampai pukul 2 semalam depan TV.

Antara keputusan yang saya beri perhatian sangat ialah Kedah tapi malangnya (keputusan) Kedah lambat sekali, terbelakang. Menang 31 daripada 36 kerusi DUN. Kedah dah tebus balik dia punya maruah,".

Dr. Mahathir turut berpesan kepada wakil-wakil rakyat baru: "Berkhidmat bersungguh-sungguh untuk rakyat dan janganlah tidak menghadiri persidangan dewan rakyat atau negeri dan janganlah datang sekejap untuk ambil elaun sahaja".

Perubahan

Mengenai perubahan status material sesetengah wakil rakyat yang sebelum menjadi wakil rakyat menggunakan Proton Saga tetapi selepas sebulan menjadi wakil rakyat menggunakan pakai Mercedes, Dr. Mahathir berkata:

"Saya ingat Pak Lah kata dia nak audit. Audit awal-awallah. Kita check tengok. Kereta apa dia pakai, waktu mana dia beli.

"Kalau dia tiba-tiba sahaja dapat beli Mercedes itu juga menunjukkan bahawa ada sesuatu yang mungkin tak baik. Kita kena hidup sederhana. Pak Lah pun cuma pakai Proton Perdana sahaja," katanya. — *Bernama*